



GARIS PANDUAN PERMOHONAN PROGRAM PEMBANGUNAN BAKAT MUDA YOUNG TALENT DEVELOPMENT PROGRAMME (YTP) 2024

1.0 PENGENALAN

Majlis Amanah Rakyat (MARA) menawarkan permohonan pinjaman pelajaran dalam bentuk pinjaman boleh ubah untuk pelajar cemerlang dan berkeelayakan lepasan peperiksaan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Tahun 2023** bagi mengikuti pengajian di bawah program Pembangunan Bakat Muda / *Young Talent Development Programme* (YTP) bermula di peringkat persediaan hingga ke peringkat ijazah pertama di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) dalam negara dan universiti luar negara yang terpilih mengikut bidang tertentu.

2.0 SYARAT KELAYAKAN PERMOHONAN

Pemohon mestilah memenuhi syarat-syarat permohonan seperti berikut:-

2.1 Syarat Umum

- 2.1.1 Pemohon **DAN** salah seorang ibu **ATAU** bapa adalah bertaraf Bumiputera **DAN** warganegara Malaysia.
- 2.1.2 Had umur pemohon pada **31 Disember 2024** tidak melebihi 20 tahun.
- 2.1.3 Tidak menerima tajaan/bantuan kewangan daripada mana-mana penaja/agensi lain bagi peringkat pengajian yang sama.

Dikemas kini setakat 24 Mei 2024

- 2.14 Penjamin adalah warganegara Malaysia yang tidak diisytihar muflis (rujuk kelayakan menjadi penjamin di Panduan Permohonan).
- 2.15 Pemohon/Ibu/Bapa/Penjaga/Penjamin tidak termasuk dalam senarai hitam (*blacklisted*) MARA atau dalam tindakan Undang-Undang MARA.
- 2.16 Pemohon perlu mempunyai kesihatan yang baik dan bebas dari sebarang penyakit kronik untuk melanjutkan pengajian (senarai penyakit kronik rujuk di **Lampiran GP1**). Pengesahan tahap kesihatan (*medical examination report*) perlu dilakukan sekiranya pemohon menerima tawaran YTP.

2.2 Syarat Khusus

- 2.21 Menduduki peperiksaan **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) buat kali pertama pada tahun 2023**.
- 2.22 Pemohon telah memenuhi semua syarat kelayakan program yang ditetapkan bagi mengikuti kursus yang dipilih.
- 2.23 Proses temuduga hanya melibatkan kursus laluan luar negara dan kursus tertentu dalam negara. Permohonan yang memenuhi syarat dan melepasi saringan sahaja akan disenarai pendek untuk menghadiri temuduga. Tiada sebarang rayuan akan diproses sekiranya pemohon gagal disenarai pendek menghadiri temuduga.
- 2.24 Sebarang hebahan berkaitan temuduga akan dimaklumkan kepada pemohon dari semasa ke semasa melalui e-mel.

3.0 SENARAI BIDANG/KURSUS DIBAWAH PROGRAM YTP

Senarai program, syarat kelayakan dan maklumat pengajian yang telah ditetapkan adalah seperti di **Lampiran GP2**.

4.0 TATACARA PERMOHONAN

- 4.1 Permohonan dibuka secara dalam talian (*online*) sahaja mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan. **Tiada** permohonan secara manual/borang.
- 4.2 Permohonan perlu dibuat secara dalam talian (*online*) melalui sistem MyEduloan : <https://educationloan.mara.gov.my> bermula **27 Mei 2024 (Isnin) sehingga 10 Jun 2024 (Isnin), 12.00 tengah hari**.
- 4.3 Pemohon perlu **membaca, meneliti dan memahami manual Garis Panduan Permohonan, Panduan Permohonan dan Soalan Lazim (FAQ)** sebelum mengisi maklumat. Maklumat hendaklah **diisi dengan lengkap** sebelum dihantar.
- 4.4 Dokumen sokongan yang perlu dimuat naik ke dalam sistem MyEduloan adalah seperti yang tertera dalam **Panduan Permohonan** program.
- 4.5 Permohonan yang telah dihantar **TIDAK boleh diubah dan dikemaskini**.
- 4.6 Cetakan 'slip pengesahan permohonan telah dihantar' menunjukkan permohonan telah dibuat. Slip pengesahan tersebut tidak bermaksud bahawa permohonan yang dihantar adalah lengkap dan layak diproses. Pemohon perlu sentiasa menyemak status permohonan yang telah dihantar dari semasa ke semasa di sistem MyEduloan.
- 4.7 Permohonan yang tidak lengkap, tidak memenuhi syarat/kriteria yang telah ditetapkan atau/dan lewat adalah **tidak layak dan tidak akan diproses**.

- 4.8 Pemohon perlu sentiasa menyemak status permohonan yang telah dihantar dari semasa ke semasa di e-mel pemohon yang telah didaftar dan di sistem MyEduloan.
- 4.9 MARA pada bila-bila masa boleh membuat sebarang perubahan kepada tawaran permohonan ini termasuk syarat dan kriteria tanpa perlu memberikan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu.
- 4.10 MARA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pinjaman tanpa memberikan sebarang notis pemberitahuan terlebih dahulu sekiranya didapati perlu atau/dan pemohon memberi maklumat palsu.

5.0 PERTANYAAN

- 5.1 Sebarang pertanyaan boleh dibuat melalui e-mel dari pukul 09.00 pagi hingga pukul 04.30 petang (Isnin-Jumaat) seperti berikut:
- 5.1.1 mengenai program, sila e-mel ke : ytp@mara.gov.my
- 5.1.2 mengenai masalah teknikal semasa permohonan, sila e-mel ke: ictbpp@mara.gov.my

JENIS-JENIS PENYAKIT KRONIK

1.	Kanser Penyakit yang disebabkan oleh ketumbuhan dan penularan sel-sel yang sangat merbahaya dan serangan tisu-tisu dibuktikan dengan <i>histology</i> yang jelas. Penyakit ini merangkumi <i>leukemia lymphoma</i> dan penyakit <i>hodgkin</i> tetapi tidak termasuk ketumbuhan yang tidak merbahaya dan semua jenis kanser kulit kecuali <i>malignat melanoma</i> .
2.	Serangan Jantung Suatu keadaan yang timbul kerana matinya sebahagian daripada otot jantung disebabkan pembekalan darah yang kurang ke bahagian jantung yang relevan dengan tanda-tanda seperti sakit dada, perubahan ECG dan tahap enzim jantung yang meningkat. Serangan sakit jantung boleh mengakibatkan perkara-perkara berikut:- i. Penggantian atau pembaikan injap jantung Prosedur di mana pembedahan jantung terbuka dilakukan untuk mengganti atau memperbaiki injap jantung yang telah rosak. ii. Pembedahan arteri jantung / coronary angioplasty Prosedur yang melibatkan <i>coronary artery bypass surgery</i> dilakukan untuk membetulkan arteri jantung yang tersumbat termasuk <i>angioplasty</i> . iii. Pembedahan aorta Prosedur yang melibatkan bahagian <i>aorta</i> yang sakit dibedah dan digantikan dengan <i>graft</i> . <i>Aorta</i> yang terlibat ialah <i>thoracic</i> dan <i>abdominal aorta</i> .
3.	Pulmonary Hypertension
4.	Sakit buah pinggang yang kronik Penyakit di mana kedua-dua buah pinggang telah gagal dipulihkan dan tidak boleh berfungsi lagi dan memerlukan <i>dialysis renal</i> dan pemindahan <i>renal</i> .
5.	Sakit hati (liver) yang kronik Tanda-tanda penyakit ialah diserang penyakit <i>jaundice</i> , <i>ascites</i> dan/atau <i>hepatic encephalopathy</i> .
6.	Fulminant Viral Hepatitis <i>Necrosis</i> hati sepenuh atau sebahagian disebabkan virus hepatitis yang mengakibatkan kegagalan hati selepas ujian fungsi hati dilakukan yang juga menunjukkan <i>massive parenchymal liver disease</i> dan juga tanda-tanda <i>portosystemic encephalopathy</i> .
7.	Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan Kecederaan di kepala disebabkan kemalangan (termasuk kerana diserang) mengakibatkan trauma kepala teruk dengan <i>neurological deficit</i> yang juga boleh mengakibatkan kematian apabila pertama kali dimasukkan ke wad kecemasan atau walaupun selamat, pesakit mengalami kecederaan kepada yang kekal atau lumpuh. Pengesahan pakar saraf atau pakar bedah saraf mestilah diperolehi.
8.	Tumor dan kecacatan pembuluh darah di otak Pengesahan mestilah diperolehi daripada pakar saraf atau pakar bedah saraf.
9.	Melepuh dan melecur kerana kebakaran <i>Third degree burns</i> yang meliputi 40% daripada anggota yang boleh mengakibatkan kepada kematian apabila pertama kali dimasukkan ke hospital atau mengakibatkan kecacatan fungsi atau kecacatan kosmetik yang memerlukan pembedahan membaikpulih.
10.	Pemindahan organ utama Pemindahan organ seperti buah pinggang, hati jantung, paru-paru, pankreas dan tulang som-som.
11.	Penyakit Parkinson
12.	Penyakit HIV dan AIDS
13.	Pemindahan kaki dan/atau tangan Dalam ertikata sebenar, ini bukan merupakan penyakit. Ini adalah disebabkan kecederaan dan ketidaksempurnaan disebabkan penyakit atau kemalangan boleh mengakibatkan salah satu daripada anggota tangan sebelah atas termasuk kaki dan sendi pinggul terpaksa dipotong. Pemojangan kecil jejari kaki atau tangan juga adalah termasuk dalam kategori ini.
14.	Chronic skin disease : Psoriasis, Phempigus, Steven-Johnson Syndrome
15.	Mental illness : Bipolar Disorders, Schizophrenia, Major Depression
16.	Endocrine Disease : Diabetis Mellitus with Complications
17.	Rheumatology : Rhemathoid Arthritis, Systemic Lupus Erythemathousus (SLE), Scleroderma, Mixed Connective Tissue Disorder, Ankylosing Spondylitis, Chronic Topacus Gout
18.	Thalassemia Major